



info

Nurnajat Nadira Abdul Rahman

Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, UMP

Pencapaian/pembabitan dalam kokurikulum:

- Naib Yang Dipertua Pembangunan Mahasiswa, Majlis Perwakilan Pelajar UMP sesi 2015/2016
- Aktif dalam produksi seni teater.
- Antara pementasan dijayakan bertajuk Teater Asam, Teater Gejolak dan Teater Muzikal Sudirman.

Teater wadah redakan tekanan

BERITA HARIAN CVARSITI PERSONALITI
5 MEI 2016 MJS 13

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Gambang

Pembabitan aktif dalam bidang teater menjadi wadah untuk Nurnajat Nadira Abdul Rahman meredakan tekanan mengharungi cabaran pengajian, selain menerokai keupayaan bakatnya dalam dunia seni.

Pengalaman mengendalikan lebih 10 produksi sepanjang tempoh lima tahun bergelar mahasiswa

di Universiti Malaysia Pahang (UMP), memantapkan beliau dalam pelbagai aspek, terutama berkaitan penyelesaian masalah dan komunikasi sesama insan.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam itu kini mendapat mandat sebagai Pengarah Produksi dan diberi kepercayaan mengendalikan pementasan teater bajet besar hingga mencecah RM25,000.

Atasi malu tidak bertempat

"Ungkapan 'teater memanusiasikan manusia' yang sangat

populer dalam kalangan penggiat cabang seni ini memang ada kebenarannya.

"Secara peribadi, pembabitan aktif dalam produksi seni teater walaupun sekadar di belakang tabir, berjaya membantu saya mengatasi perasaan malu tidak bertempat, meningkatkan keyakinan berinteraksi dengan pelbagai golongan masyarakat dan memiliki semangat bekerjasama dalam kumpulan," katanya.

Projek terbaharunya ialah Teater Muzikal Sudirman yang akan berlangsung di UMP pada 7 dan 8

Mei ini membabitkan bajet RM15,000 hasil sokongan padu pihak pengurusan universiti.

Nurnajat Nadira berkata, persembahan yang akan dijayakan 60 pelajar UMP itu bertujuan memberi pendedahan, terutama kepada golongan remaja mengenai nilai kemanusiaan dan mesej patriotik diselitkan melalui lagu ciptaan Allahyarham Datuk Sudirman Arshad.

Capai Anugerah Dekan

Beliau mengaku cenderung kepada produksi teater berasaskan biografi yang mampu menjadi saluran pengetahuan mengenai pencapaian dan jasa seseorang tokoh.

Dalam pada itu, Nurnajat Nadira juga berusaha mengatasi persepsi negatif terhadap produksi teater, khususnya berhubung pergaulan bebas dengan antara lain mengadakan latihan di tempat terbuka dan sentiasa mengingatkan peserta supaya menjaga batas pergaulan dalam lakonan.

"Aktiviti seni budaya seperti teater adalah medium berkesan membantu masyarakat menambah pengetahuan am, terutama melalui karya berunsur sejarah dan berasaskan biografi tokoh negara," katanya yang mengekalkan pencapaian Anugerah Dekan pada setiap semester walaupun aktif dalam kokurikulum.